

TAKOR JAMBANG EMAS
Gold-whiskered Barbet

FAMILI: Megalaimidae
NAMA SAINTIFIK: *Megalaima chrysopogon*



CIRI-CIRI

Burung dewasa mempunyai saiz yang agak besar dan berwarna hijau pada bahagian atas dan bawah badan. Ia mempunyai paruh hitam yang nampak padu, jalur yang agak lebar berwarna hitam seperti bulu kening pada bahagian atas mata dan terdapat tompok besar berwarna kuning pada bahagian sisi kepala. Selain itu, bahagian leher berwarna kelabu pucat dan terdapat jalur halus berwarna biru pada bahagian sisi badan antara leher dan dada serta berdekatan jalur hitam berhampiran mata. Pada bahagian atas kepala pula, terdapat tompok kelabu pucat dan merah. Bagi juvenil pula, tompok kuning, seperti yang terdapat pada burung dewasa berwarna agak pucat.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 30.0 sm.

MAKANAN

Buah buahan, bijian dan bunga.

HABITAT

Takor Jambang Emas mendiami kawasan hutan dipterokap sehingga ke ketinggian 1,065 m dari aras laut. Pada kebiasaannya, ia boleh ditemui pada ketinggian 1,525 m dari aras laut.

BUNYI

Burung jantan spesies ini mengeluarkan bunyi panggilan bagi tujuan kawalan kawasan (*territorial call*) *tehoop-tehoop-tehoop-tehoop-tehoop...* yang kuat serta laju.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah dari bulan Oktober hingga Jun setiap tahun dengan membuat sarang di dalam lubang-lubang pokok, 9-13 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi